

17/11/1997

PKKBP sokong pimpinan PM

BATU PAHAT, Ahad - Persatuan Ketua Kampung Batu Pahat (PK KBP) menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sebarang usaha menegakkan kebenaran demi kepentingan lebih 20 juta penduduk negara ini.

Ketegasan Dr Mahathir mempertahankan pendirian Malaysia mengenai serangan mata wang yang dilakukan pihak tertentu di Asia Tenggara disokong penuh walaupun ia tidak disenangi kuasa besar dunia, terutama Amerika Syarikat.

Yang Dipertua PKKBP, Hashim Jaafar berkata, persatuan berkenaan juga mengutuk tindakan sekumpulan 27 anggota Kongres negara berkenaan, yang meminta Perdana Menteri meletakkan jawatan.

Menurutnya, tindakan itu amat keterlaluan kerana masyarakat asing tidak wajar mencampuri urusan pentadbiran negara ini, termasuk terhadap pembabitan Petronas menjalin hubungan dagangan minyak dengan Iran.

Katanya, tindakan anggota Kongres, yang diketuai Robert Wexler itu seolah-olah sudah mendapat kebenaran dari Rumah Putih dan tindakan itu dipercayai bagi mengelak pemimpin Amerika Syarikat dituduh sebagai pencetus kontroversi.

Sebelum ini, pentadbiran Bill Clinton mengarahkan pegawai kanannya, William Ramsay ke Kuala Lumpur bagi menyasat hubungan dagang Petronas dengan Iran.

(END)